

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BULETIN AGRO

CUKUP DAN TERJAMIN



SOROTAN MEI 2024

HARI PEKERJA PERINGKAT KEBANGSAAN 2024

1 MEI 2024

Promosi TVET Pertanian @ KPKM diteruskan sempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2024 anjuran KESUMA dengan tema Pekerja Kesuma Bangsa di PICC Putrajaya.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk melahirkan tenaga kerja mahir pertanian di dalam menjamin Keterjaminan Makanan.

Melalui reruai KPKM, pengunjung boleh mendapatkan maklumat mengenai Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang pertanian yang ditawarkan selain penerangan berkaitan kursus teknikal pertanian jangka pendek atau program upskilling yang ditawarkan.

SESI KONSULTASI BELANJAWAN AGROMADANI 2025 KPKM

2 MEI 2024

Pelaksanaan sesi ini adalah komitmen inklusif KPKM bagi mendapatkan input untuk penyediaan Belanjawan 2025 daripada pemegang taruh dan pemain industri bagi sektor agromakanan.

Maklumbalas yang diperoleh dalam sesi ini merupakan intipati penting untuk menyokong inisiatif KPKM memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara.

Seramai lebih 300 orang peserta telah hadir ke program tersebut melibatkan pemain industri semua subsektor pertanian, pegawai-pegawai Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Ekonomi (KE) serta KPKM.



MAJLIS AMANAT YB MENTERI KPKM DAN SAMBUTAN MESRA AIDILFITRI 2024

2 MEI 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang giat memfokuskan usaha untuk mengurangkan defisit perdagangan agromakanan negara dengan mengambil langkah strategik memperbaiki aliran keluar wang negara dan meminimumkan pembaziran. Inisiatif ini berikutan rekod defisit yang mencatatkan nilai import makanan tahun 2023 sebanyak RM 78.7 bilion lebih tinggi daripada nilai eksport sebanyak RM 46.4 bilion pada tempoh yang sama.

Menyedari keperluan untuk menangani isu ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu menyuarakan komitmen untuk mengurangkan jurang antara import dan eksport agromakanan.

Walaupun mendepani pelbagai cabaran, sektor agromakanan menunjukkan pertumbuhan yang positif bagi tahun 2023.

Nilai tambah sektor agromakanan meliputi pertanian, sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi tahun 2023 berkembang 4.3 peratus kepada RM181.4 bilion daripada RM173.9 bilion pada tahun 2022. Ini memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara sebanyak 11.6 peratus.

Prestasi bagi ketiga-tiga sektor agromakanan juga menunjukkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu 2.1 peratus bagi sektor pertanian, 4.6 peratus bagi sektor pembuatan dan 5.7 peratus bagi sektor perkhidmatan.

YB Menteri juga menegaskan komitmen KPKM untuk mengurangkan defisit perdagangan agromakanan negara dalam tempoh yang terdekat dengan mengambil langkah-langkah praktikal seperti memulakan pengeluaran bawang merah dan mengukuhkan pengeksportan durian ke China.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa KPKM juga sedang giat meneroka peluang pasaran baharu di luar negara termasuk potensi agromakanan di Russia.

Mengakhiri ucapannya dalam majlis berkenaan, YB Menteri menyeru semua pihak untuk bersama-sama meningkatkan usaha dalam mengukuhkan keterjaminan makanan negara dan mengekalkan kestabilan ekonomi.

Seramai 2,000 orang jemputan daripada kalangan warga KPKM serta Jabatan/Agensi di bawahnya telah hadir bagi memeriahkan majlis ini. YB Menteri turut beramah mesra bersama para pengunjung sempena sambutan Aidilfitri. Majlis turut dimeriahkan dengan pelbagai juadah raya yang telah disediakan di 14 gerai di bawah Jabatan/Agensi. Penyampaian sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa turut diadakan.



PROGRAM MADANI RAKYAT ZON UTARA

4 MEI 2024

Suasana kemeriahan hari kedua di Pavilion KPKM sempena Program MADANI Rakyat Zon Utara.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti pameran pertanian, pemberian benih pokok percuma dan pemberian ikan beta percuma kepada para pengunjung.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut mengadakan Jualan "Happy Hour" yang disempurnakan oleh YB Tuan Muhammad Faiz bin Dato' Haji Fadzil, Pengerusi LKIM yang hadir bagi mempromosikan lebih kurang 100kg makanan laut kepada para pengunjung dengan potongan harga sehingga 30 peratus dari harga pasaran.

Terdapat juga Jualan Agro Madani yang menawarkan pelbagai barang keperluan dengan harga yang berpatutan. Para pengunjung boleh mendapatkan beras putih tempatan, telur dan Kombo Madani.

Kehadiran YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi, Ketua Pengarah Pertanian dan YBhg. Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan turut memeriahkan lagi suasana di Pavillion KPKM.



MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN PENGEMBANGAN VETERINAR DAN HARI INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2024

14 MEI 2024

Majlis Perasmian Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2024 telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Program yang mengumpulkan hampir 500 kakitangan DVS dari seluruh Malaysia ini bertujuan untuk berkongsi ilmu dan pengalaman perkhidmatan pengembangan veterinar dan pembudayaan inovasi di lapangan.

Pada majlis ini YB Menteri turut melancarkan Buku Panduan Menternak Lembu Pedaging Secara Berintegrasi Bersistematik di Ladang Kelapa Sawit dan Panduan Ekonomi Projek Penternakan Lembu Tenusu sebagai panduan kepada para penternak lembu.

Majlis turut dihadiri YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.



KUNJUNGAN HORMAT ASEAN BUSINESS ADVISORY COUNCIL (ASEAN-BAC) MALAYSIA KE ATAS YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

4 MEI 2024

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Tan Sri Mohamed Nazir Tun Abdul Razak, Pengerusi ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) Malaysia dan delegasi ASEAN-BAC (Malaysia) seramai tujuh (7) orang termasuk YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Pengerusi ASEAN-BAC (Malaysia) B2B Connect Initiative (BCI) – Agriculture pada 3 Mei 2024 (Jumaat) di Wisma Tani, Putrajaya.

Sesi ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Arthur Joseph Kurup dan Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian dan Jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Dalam pertemuan tersebut, ASEAN-BAC (Malaysia) telah membincangkan potensi kerjasama antara KPKM dengan ASEAN-BAC (Malaysia), khususnya peluang untuk menyediakan ruang pasaran yang lebih luas dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan di rantau ASEAN menerusi platform ASEAN-BAC.

Antara aspek kerjasama yang diteliti termasuklah kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan pertanian dan pemindahan teknologi bagi keterjaminan makanan, khususnya bagi menangani isu _food loss_ dan sisa makanan, serta meningkatkan produktiviti dalam sektor agromakanan.

ASEAN-BAC (Malaysia) telah diminta untuk membantu dan memudahkan cara penerokaan pasaran ASEAN oleh para pengusaha agromakanan Malaysia. Selain itu, YB Menteri juga menekankan kepentingan pengusaha-pengusaha agromakanan untuk mendalami amalan-amalan terbaik dalam kalangan negara-negara ASEAN untuk peningkatan daya saing dan daya tahan sektor agromakanan seperti mana yang dilakukan oleh negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam.

YB Timbalan Menteri pula mengetengahkan keperluan untuk merancang aktiviti eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN dan berusaha ke arah mencapaiimbangan dagangan sektor agromakanan ke satu tahap yang lebih baik.

YB Menteri turut mengambil kesempatan untuk menjemput delegasi ASEAN-BAC (Malaysia) bagi menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan pada 11 hingga 22 September 2024. Beliau mengalu-alukan penyertaan entiti perniagaan atau pihak swasta yang berminat untuk turut serta dalam acara dwi-tahunan tersebut. Pengerusi ASEAN-BAC (Malaysia) menyambut baik pelawaan itu dan menyarankan supaya KPKM mengoptimumkan MAHA sebagai platform strategik bagi meningkatkan jaringan perniagaan oleh entiti swasta dalam negara dan ASEAN.



PROGRAM GELOMBANG PADI LANGKAWI MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN IMPORT BERAS PULUT

6 MEI 2024

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), telah mengadakan lawatan kerja dan merasmikan Program Gelombang Padi Langkawi yang merupakan Projek Padi Pulut Langkawi SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan di bawah seliaan syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Objektif program ini adalah untuk memastikan keterjaminan makanan negara dengan mengurangkan kebergantungan import berkaitan hasil produk pulut.

Fasa pertama Projek Padi Pulut Langkawi SMART SBB Ala Sekinchan di Mukim Ayer Hangat ini membabitkan kawasan seluas 14.78 hektar melibatkan tujuh pesawah.

Seiring pelaksanaan projek ini, kerajaan juga akan membina sebuah kilang padi yang pertama di Langkawi dengan anggaran kos sebanyak RM8.9 juta bertempat di Tapak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi iaitu di Kampung Bukit Hantu, Mukim Ulu Melaka.

Pada tahun 2023, sebanyak 4,156 tan metrik padi telah dibeli di tapak beliaian tersebut dan dihantar ke kilang beras BERNAS di tanah besar dengan kos pengangkutan yang tinggi mencecah RM75 per tan metrik iaitu bersamaan RM300 ribu setahun.

Tambahan itu, tempoh masa penghantaran padi juga mengambil masa sehingga tiga hari daripada tarikh mula tuaian, yang boleh menjejaskan kualiti padi.

Apabila siap kelak, kilang padi ini berpotensi menjadi salah satu tarikan agropelancongan di Langkawi dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berkonsepkan glass-house yang membolehkan pelancong dan pengunjung mempelajari dan melihat sendiri bagaimana padi pulut dan varieti padi lain diproses.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPKM, YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Pegawai Eksekutif LADA, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Pengurus Besar Kanan BERNAS, YBrs. Encik Abdul Rahman bin Mohd Nasir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dato Wira Haji Mahfuz bin Haji Omar, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), YBhg. Datuk Dr. Ismail Salleh, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), YBhg. Dato' Haji Zamri bin Yaakob, Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM, YBhg. Datuk Azman bin Mahmood, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia, Dato' Norsam binti Alwi dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian serta Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi bawah KPKM.





SESI TOWN HALL BERSAMA YB TIMBALAN MENTERI KPKM

17 MEI 2024

Sesi lawatan kerja YB Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Arthur Joseph Kurup ke utara semenanjung diteruskan lagi dengan menghadiri sesi Town Hall bersama-sama para pendidik dan pelajar daripada TVET pertanian di bawah Institut Pertanian kelolaan KPKM pada 17 Mei 2024.

Sesi Town Hall ini diadakan di Institut Pertanian Bumbong Lima, Pulau Pinang. Sesi tersebut menjadi medan pertemuan bertanya khabar dan bertukar pandangan antara pelajar dan pihak pengurusan tertinggi KPKM. Para pelajar sempat bertanya beberapa soalan tentang halatuju TVET pertanian negara yang kini menjadi salah satu aset kepakaran berharga kepada negara dalam industri berasaskan pengeluaran makanan negara.



PAMERAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA THE SAUDIFOOD SHOW 2024

21 MEI 2024

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Pejabat Penasihat Pertanian (PPP) Malaysia di Dubai telah menyertai Pameran Perdagangan Antarabangsa The Saudifood Show 2024 yang diadakan di Riyadh Front Exhibition and Conference Centre bermula 21 hingga 23 Mei 2024.

Dalam penyertaan edisi kedua The Saudifood Show 2024, KPKM telah membawa enam (6) syarikat tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka ke pasaran timur tengah melalui Arab Saudi. Antara produk yang diketengahkan oleh syarikat-syarikat Malaysia adalah makanan "ready to eat", pastri, makanan sejuk beku, kopi pracamur dan snek.

Dalam pameran ini, produk-produk jenama Malaysia telah diperkenalkan kepada pembeli dan pengimport dari Timur Tengah. Untuk rekod, pameran ini menghimpunkan lebih 100,000 pempamer daripada lebih 190 negara. Ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan negara membina rangkaian dan jaringan dengan pembeli, pengimport dan penderang barangan makanan ke seluruh Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA).

Selain penyertaan dari KPKM, pameran ini turut disertai oleh agensi-agensi lain seperti Halal Development Corporation (HDC). Secara keseluruhan sejumlah 33 syarikat dari Malaysia menyertai pameran ini.

The Saudifood Show 2024 merupakan salah satu platform yang penting untuk membuka akses kepada pasaran MENA. Sejar dengan Saudi Vision 2030, Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan sasaran untuk menjadi negara yang kompetitif dalam pembangunan industri dan hub perdagangan terutamanya dalam industri makanan.



PENYERTAAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN DI KAZANFORUM 2024

18 MEI 2024

YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menyampaikan ucapan sempena perasmian Kazan Halal Market di Kazan, Republik Tatarstan, Persekutuan Rusia pada 15 Mei 2024.

Dalam ucapan, beliau menyentuh tentang kepentingan sektor pertanian dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat, serta komitmen Malaysia dalam menegenahkan pertanian mampan melalui pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, promosi pertanian organik dan sokongan kepada pekebun kecil. Beliau turut menekankan pengukuhan kerjasama dalam industri halal dan kesediaan Malaysia untuk menjalin kerjasama dalam bidang ini dengan Rusia.

Beliau berada di Kazan sebagai ketua delegasi KPKM ke "The 15th International Economic Forum "Russia – Islamic World: KazanForum" (KazanForum) 2024 turut mengadakan perjumpaan dengan Menteri Pertanian dan Makanan Republik Tatarstan, HE. Marat Zyabbarov bagi membincangkan kerjasama pertanian antara Malaysia dan Republik Tatarstan.

Datuk Badrul juga telah menyampaikan ucapan pada sesi meja bulat Russia-Malaysia within the framework of the XV International Economic Forum Russia - Islamic World: KazanForum 2024: Agriculture and Food Security as a Driver of Bilateral Cooperation pada 16 Mei 2024, serta pada sesi meja bulat "Development of Trade Turnover Between the Russian Federation and Countries of the Arab-Muslim World" dengan tajuk Economic Prospects Cooperation Between Malaysia and Russia Federation pada 17 Mei 2024.

Selain itu, KPKM juga menyertai Ekspo Halal Rusia yang diadakan di sela-sela KazanForum 2024 melalui pembukaan Pavilion Malaysia. Pavilion ini sebagai platform untuk KPKM mempromosikan pelbagai inisiatif pelaburan dan produk Malaysia ke pasaran Rusia dan negara serantau.

Program ini juga merupakan sebahagian daripada rangka strategi promosi MAHA Go Global 2024 bagi menarik penyertaan pemain industri utama dunia untuk menyertai MAHA 2024 pada 11 hingga 22 September 2024.

Pelancaran Pavilion Malaysia ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Khairul Firdaus Akhbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada 15 Mei 2024. Selain lapan usahawan berkaitan sektor pertanian dan agromakanan sebagai pempamer, pavilion ini turut disertai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Education Malaysia Global Service selaku anak syarikat di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

KazanForum merupakan acara antarabangsa yang dianjurkan oleh Rusia melalui Kerajaan Republik Tatarstan sejak tahun 2009 sebagai platform bagi memperkukuhkan kerjasama antara Rusia dengan negara Islam. Sebagai pengiktirafan, pada tahun 2022 Presiden Rusia telah menaik taraf KazanForum sebagai acara tahunan utama peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Rusia melibatkan anggota negara Pertubuhan Kerjasama Islam (Organisation of Islamic Cooperation – OIC) dengan tujuan untuk meningkatkan kerjasama Rusia dengan negara-negara OIC.



BEKALAN BERAS DI SABAH DAN SARAWAK MENCUKUPI UNTUK PERAYAAN PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWA

23 MEI 2024

YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengetuai satu lawatan kerja pemeriksaan ke gudang stok penimbal beras (stockpile) di Tawau, Sabah.

Lawatan pemeriksaan ini adalah selaras dengan terma Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Malaysia dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bagi memastikan stockpile beras negara sentiasa cukup dan terjamin serta berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa.

Berdasarkan status semasa kedudukan stok beras negara, jumlah stok bekalan beras sehingga 14 Mei 2024 adalah sebanyak 1,037,381 tan metrik meliputi 200,000 tan metrik stokpail kerajaan dan 837,381 tan metrik stok dagangan. Dapada jumlah tersebut, sebanyak 57,500 tan metrik stockpile kerajaan ditempatkan di gudang-gudang BERNAS di Sabah, manakala di Sarawak sebanyak 33,000 tan metrik.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan beras mencukupi bagi rakyat di wilayah Sabah dan Sarawak, terutamanya ketika sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

Turut serta dalam sesi lawatan pemeriksaan, Timbalan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras, Tuan Saifullizan bin Kamarul Zaman, wakil agensi serta jabatan di bawah KPKM dan pihak BERNAS.

SESI FLAG OFF PRODUK AGROMAKANAN KE JEPUN DI BAWAH INISIATIF EXPORT MANAGEMENT COMPANY (EMC)

28 MEI 2024

Sesi Flag-Off Pengesportan Produk Agromakanan Ke Jepun telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Khalid bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI), KPKM bertempat di Shah Alam. Siri pengeksportan kali ini adalah sebahagian usaha memperkukuh ruang pasaran luar negara melalui inisiatif Program Pengukuhan Export Management Company (EMC) di luar negara.

Konsainan siri ini melibatkan 25 *Stock Keeping Unit* (SKU) pelbagai produk agromakanan daripada lapan (8) syarikat pengeluar tempatan yang dikonsolidasikan oleh Syarikat SD Impex Japan Co., Ltd. di bawah inisiatif Export Management Company (EMC).

Kesemua 25 SKU ini akan disenaraikan untuk tujuan jualan di pelbagai lokasi di pasar raya terkemuka di Jepun iaitu Don Quijote, Apita, rangkaian Kedai Halal, rangkaian Kedai Asian dan beberapa rangkaian e-commerce seperti halal2go, Amazon Japan shop, Rakuten dan Yahoo shopping.

Majlis ini turut dihadiri oleh wakil dari Agensi KPKM dan anak syarikat iaitu FAMA, LPP, LKIM, FAMACO, NAFAS dan Melia Evolusi selain wakil dari pihak syarikat pengeluar terlibat.

JUALAN AGRO MADANI TANGANI KOS SARA HIDUP DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN USAHAWAN

25 MEI 2024

Jualan Agro MADANI (JAM) merupakan penjenamaan semula kepada program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui tiga agensi pelaksana iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Penganjuran Karnival Jualan Agro MADANI Mega Tawau 2024 di Pekarangan Bangunan Majlis Perbandaran Tawau yang berlangsung selama tiga hari mulai 24 hingga 26 Mei 2024 telah melibatkan hampir 140 usahawan yang menawarkan produk agromakanan seperti jualan barangan pertanian segar pada harga yang berpatutan seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur, ikan, gula, minyak dan lain-lain.

Melalui penganjuran karnival ini, KPKM menyasarkan nilai jualan RM850,000 sepanjang tiga hari tempoh karnival dengan menarik kehadiran seramai 30,000 orang pengunjung.

Program JAM Mega Tawau 2024 ini dirasmikan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan beliau turut menyampaikan cek cura yang bernilai RM483,850 kepada usahawan yang terlibat meliputi beberapa projek seperti naiktaraf Agrobazaar RNR, naiktaraf Agrobazaar Kedai Rakyat & Agrobazaar Rakyat, Medan Gerai Buah-Buahan Segar Semporna, Naiktaraf K- Shoppe dan naik Taraf Imej Produk. Beliau juga turut menyampaikan sijil kepada peserta kursus Agropreneur Muda dan MESTI serta beramah mesra dengan pengunjung dan usahawan yang hadir.

Antara pengisian menarik yang turut diadakan adalah aktiviti Road To MAHA 2024 yang merupakan kali ke-100 penganjuran pada tahun ini. MAHA 2024 bakal diadakan pada 11 hingga 22 September 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang.

Hadir sama YBrs. Tuan Haji Aminuddin bin Zulkipli, Pengerusi FAMA, YB Tuan Lo Su Fui, Ahli Parlimen Tawau serta pegawai - pegawai kanan Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.





**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



**MALAYSIA
MADANI**



@kpkmmalaysia

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

WISMA TANI, PRESINT 4,
62624 PUTRAJAYA

www.kpkm.gov.my

BuletinAgro